

SKEMA JAWAPAN
Set 3
Logo sekolah

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1

2 JAM

MARKAH PENUH :100

1.0 Tujuan Pengujian : Untuk menguji kebolehan calon dalam ;

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
- 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakannya untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

2.0 Langkah-langkah Pemeriksaan

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
 - 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut
-

BAHASA MELAYU
SKEMA JAWAPAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN TINGKATAN 5

Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan (30 markah)

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	26 – 30	<u>Tugasan</u> - Karangan menepati tema bahan ransangan/ tugas <u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan ransangan/tugasan. - Huraian jelas dan matang. - Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. - Ejaan yang betul mengikut sistem ejaan rumi yang baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat.
	(28 – 30)	
	(26 – 27)	<u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan Laras bahasa sesuai mengikut tugas. - Wacana lengkap - Pemerenggan yang sesuai. *** Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain2.
KEPUJIAN	20 – 25	<u>Tugasan</u> Karangan menepati tema bahan ransangan/ tugas
	(23 – 25)	<u>Idea</u> - Idea relevan dengan tema bahan ransangan/tugasan. - Huraian jelas. <u>Bahasa</u>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
	(20 – 22)	- Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi - Ejaan yang betul mengikut sistem ejaan Rumi yang baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik. Laras bahasa sesuai mengikut tugas. - Wacana lengkap - Pemerenggan yang sesuai.
MEMUASKAN	15 – 19	<u>Tugasan</u> - Karangan masih menepati tema bahan ransangan/ tugas <u>Idea</u> - Idea masih relevan dengan tema bahan ransangan/tugas. - Huraian masih jelas. <u>Bahasa</u> - Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata masih luas/ terhad. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi - Ejaan masih mengikut sistem ejaan Rumi yang baharu. - Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan masih menarik. Laras bahasa masih sesuai mengikut tugas. - Wacana masih lengkap. - Pemerenggan yang masih sesuai.
	(17 – 19)	
	(15 – 16)	
PENGUASAAN MINIMUM	10 – 14	<u>Tugasan</u> - Karangan kurang menepati tema bahan ransangan/ tugas <u>Idea</u> - Idea kurang relevan dengan tema bahan ransangan/tugas. - Huraian kurang jelas.
	(12 – 14)	

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
	(10 – 11)	<u>Bahasa</u> - Bahasa masih kurang dari segi kata dan ayat. - Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. - Penggunaan kosa kata terhad - Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi - Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi yang Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan kurang menarik. Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas. - Wacana kurang lengkap. - Pemerenggan kurang sesuai.
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	01-09 (06– 09) (01– 05)	- Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. - Idea tidak menepati tema bahan ransangan/tugas. Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.

Bahagian B : Karangan Respon Terbuka

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	Kegramatisan – kata (morfologi) - Ayat (sintaksis) Tanda baca Ejaan
2. LARAS (Dinamis)	Pemilihan kosa kata
3. IDEA (ISI)	Tema Idea utama

	Pengembangan (huraian, bahasan, hujahan, contoh) kerelevanan
4. PENGOLAHAN	Wacana Logik Pemerenggan Format
5. GAYA BAHASA	Keindahan bahasa Ungkapan Peribahasa

Bahagian B (70 markah) KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	64-70 (68-70) (64-67)	<u>Tugasan</u> - Karangan menjawab tugas <u>Idea</u> - Idea relevan mengikut tugas. - Huraian jelas dan matang. - Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis bahasa yang gramatis. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan unsur bahasa bervariasi. - Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan sangat menarik dan berkesan - Pemerenggan yang sesuai - Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Laras bahasa sesuai mengikut tugas.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
KEPUJIAN	55-63 (59-63) (55-58)	<u>Tugasan</u> - Karangan menjawab tugas <u>Idea</u> - Idea relevan mengikut tugas. - Huraian jelas dan matang. - Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis bahasa yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. - Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan - Pemerenggan yang sesuai - Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
BAIK	45-54 (50-54) (45-49)	<u>Tugasan</u> - Karangan masih menjawab tugas <u>Idea</u> - Idea masih relevan mengikut tugas. - Huraian masih jelas dan matang. - Contoh masih sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis bahasa yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. - Penggunaan kosa kata umum.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
		- Ejaan dan tanda baca yang masih betul. - Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. - Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan masih menarik. - Pemerenggan yang masih sesuai - Wacana masih lengkap. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
MEMUASKAN	35-44 (40-44) (35-39)	<u>Tugasan</u> - Karangan masih/ kurang menjawab tugas <u>Idea</u> - Idea masih relevan mengikut tugas. - Huraian kurang jelas dan matang. - Contoh kurang sesuai. <u>Bahasa</u> - Ayat kurang gramatis - Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. - Penggunaan kosa kata umum dan terhad. - Ejaan dan tanda baca yang masih betul tetapi terdapat kesalahan bahasa minimum. - Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. - Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan kurang menarik. - Pemerenggan yang kurang sesuai - Wacana masih / kurang lengkap. - Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas.

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
PENGUASAAN MINIMUM	21-34 (28-34) (21-27)	<u>Tugasan</u> - Karangan kurang menjawab tugas <u>Idea</u> - Idea masih relevan mengikut tugas/ bercampur aduk . - Huraian tidak jelas / tidak berkembang - Contoh tidak sesuai. <u>Bahasa</u> - Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. - Penggunaan kata kurang tepat - Penggunaan kosa kata umum dan terhad. - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. - Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi. - Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan tidak menarik. - Pemerenggan tidak sesuai / tidak seimbang - Wacana masih / kurang lengkap.
TIDAKMENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM	01 – 20 (11-20) (1-10)	- Keseluruhan karangan sukar/ tidak difahami. - Idea tidak relevan/ bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai.



Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

() = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

- Jika calon menulis dalam bentuk point (Bahagian A dan B)- maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM**
 - BAHAGIAN B
 - Bilangan perkataan 511 ke atas –maksimum **peringkat KEPUJIAN**
 - Bilangan perkataan 339 dan ke bawah – maksimum **peringkat BAIK.**

Perkataan yang dikira sebagai satu tahap perkataan

1. Puisi
2. Alamat
3. Tarikh
4. Nama Khas
5. Peribahasa
6. Maksud hadis/ Al-Quran/ kata-kata tokoh
7. Penanda Wacana
8. Tajuk (rencana / surat)
9. Kata sendi ‘di’ dan ‘ke’
10. Angka

BAHAGIAN A
[30 markah]


Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan bangunan bersejarah di Malaysia.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang bangunan bersejarah di Malaysia.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

PEMULIHARAAN BANGUNAN BERSEJARAH

SHAH ALAM : Bangunan bersejarah merupakan bangunan yang wajar dipelihara. Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah telah bertitah agar pihak berkuasa melaksanakan pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan bersejarah di Malaysia. Menurut baginda, kebanyakan **bangunan bersejarah berpotensi untuk menjadi tumpuan pelancong** dari dalam dan luar negara.



Bangunan lama
perlu dirobohkan


Jangan! pemuliharaan
bangunan bersejarah
dapat **meluaskan
pengetahuan.**



TAHUKAH ANDA?

Kota A' Famosa telah
dibina oleh Portugis
sebaik sahaja berjaya
menawan Melaka pada
tahun 1511

Sumber: jpt.moe.gov.my



BAHAGIAN A

Tugasan : Bangunan Bersejarah di Malaysia.

Kehendak / Tugas Soalan

Murid dikehendaki menghuraikan **KEBAIKAN** pemuliharaan **bangunan bersejarah di Malaysia** iaitu:

- Bangunan bersejarah berpotensi untuk menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara.
 - Pemuliharaan bangunan bersejarah dapat meluaskan pengetahuan.
1. Murid perlu menyentuh **SEMUA BAHAN** sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
 2. Sekiranya murid menyentuh **SEMUA** bahan dan menambah **IDEA LAIN** berkaitan kebaikan-kebaikan pemuliharaan bangunan bersejarah di Malaysia (disemak dan diperiksa dengan biasa)
 3. Jika murid tidak menyentuh **SEMUA** bahan (maksimum peringkat **KEPUJIAN**)
 4. Murid yang menulis 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir (maksimum peringkat **KEPUJIAN**)
 5. Murid menulis kurang 140 patah perkataan (maksimum peringkat **MEMUASKAN**)
 6. Jika murid menulis dalam bentuk point (maksimum tidak mencapai tahap penguasaan minimum) (**TMTPM**)

Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan sahaja.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan

1.

Semangat patriotik yang tinggi perlu ada dalam diri rakyat kerana menjadi tonggak utama kepada pembangunan sesebuah negara. Tanpanya, negara akan musnah dan hancur bukannya kerana diserang musuh tetapi kemusnahan adalah disebabkan kegagalan rakyat untuk melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap negara.

Dipetik dan diubah suai daripada: Patriotisme-
bukan-sekadar-semangat *Sinar Harian* 31 Ogos 2020.

Sebagai respons petikan di atas, terdapat pelbagai kesan jika masyarakat tidak bersifat patriotik

Jelaskan **kepentingan-kepentingan patriotisme** kepada **Masyarakat**

Kehendak / Tugas Soalan

1. Murid dikehendaki menghuraikan **kepentingan-kepentingan** patriotisme kepada Masyarakat

Cadangan idea

Kepentingan-kepentingan patriotisme kepada masyarakat :

1. Memupuk perpaduan kaum
2. Mengharumkan nama negara
3. Memiliki semangat cinta akan negara dan jati diri yang teguh
4. Membina sebuah negara yang maju

Kemungkinan jawapan :

- Murid menjawab tugas **SELAIN** kepentingan (maksimum peringkat **MEMUASKAN**)
- Jumlah patah perkataan 520 patah perkataan (maksimum **KEPUJIAN**)
- Kurang 350 patah perkataan (maksimum **BAIK**)

2.

Penggunaan teknologi baharu seperti sensor lapangan dan dron sangat penting untuk menjadikan sektor pertanian lebih menarik pada mata anak muda. Memandangkan golongan muda umumnya lebih celik teknologi berbanding dengan golongan yang berumur, merekalah golongan yang tepat untuk memperkasa sektor pertanian.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada
<https://www.malaysianow.com/>

Petikan di atas menyatakan **sebahagian usaha** yang perlu dilakukan dalam menarik minat **generasi muda** untuk menceburi bidang pertanian.

Bincangkan.

Tugasan soalan :

Murid dikehendaki menghuraikan **usaha-usaha untuk menarik minat generasi muda menceburi bidang pertanian**

Petikan

Penggunaan teknologi baharu

Idea lain

1. Sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah/silibus
2. Penggunaan media sosial
3. Galakan daripada ibu bapa

Kemungkinan jawapan

- Murid menghuraikan **idea dalam petikan** dan **menambah idea lain** yang berkaitan usaha-usaha (tanda seperti biasa)
- Murid menghuraikan **HANYA** idea daripada petikan sahaja (maksimum peringkat **BAIK**)
- Murid menghuraikan idea lain **TANPA** menyentuh idea dalam petikan (maksimum peringkat **BAIK**)
- Murid tidak menyatakan pihak (maksimum peringkat **BAIK**)
- Murid menjawab tugas **SELAIN** usaha (maksimum peringkat **MEMUASKAN**)
- Jumlah patah perkataan 520 patah perkataan (maksimum **KEPUJIAN**)
- Kurang 350 patah perkataan (maksimum **BAIK**)

3.

Jenayah penipuan dalam talian menyasarkan pelajar kerana mereka merupakan pengguna utama media sosial terutamanya melalui telefon bimbit dan pelbagai peranti mudah alih yang menjadi keperluan dalam proses pembelajaran pada peringkat menengah dan pengajian tinggi. Sebagai pengguna media sosial, mereka berpeluang mengakses pelbagai laman sosial popular termasuk *Facebook*, *Whatsapp* dan *Instagram* yang turut digunakan oleh penjenayah untuk menipu dan menjerat mangsa.

Sumber : *Dewan Masyarakat*, Bil 10/2022

Jenayah penipuan dalam talian terutamanya dalam golongan pelajar semakin berleluasa sehingga membimbangkan masyarakat.

Tulis sebuah **rencana** tentang **punca-punca** mereka dijadikan sasaran.

Kehendak / Tugas Soalan**Format Rencana**

Murid dikehendaki menghuraikan **punca-punca jenayah penipuan dalam talian** terutamanya dalam **golongan pelajar semakin berleluasa** dalam bentuk **Format Rencana**

Cadangan idea

1. Sikap naif pelajar, belum matang dan tiada kesedaran
2. Pelajar banyak terdedah pada media sosial
3. Pelajar memiliki pelbagai peranti
4. Pelajar tidak faham peraturan dan undang-undang

Kemungkinan jawapan

- Murid **tidak menjawab** Format rencana (maksimum **KEPUJIAN**)
- Murid tidak memfokuskan **golongan pelajar** (maksimum **MEMUASKAN**)
- Murid menjawab tugas **SELAIN punca** (maksimum peringkat **MEMUASKAN**)
- Jumlah patah perkataan 520 patah perkataan (maksimum **KEPUJIAN**)
- Kurang 350 patah perkataan (maksimum **BAIK**)

4.

"Dengan membeli barangan buatan Malaysia, kita **mampu memberi pekerjaan kepada rakyat Malaysia**". Bagi tujuan ini, jabatan kerajaan, agensi dan pihak berkaitan seperti agensi pemasaran yang berkaitan disaran untuk melakukan kempen beli barangan tempatan secara besar-besaran.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada
https://www.bharian.com.my/beli_barangan_buatan_Malaysia

Petikan di atas menyatakan bahawa membeli barangan buatan Malaysia memberikan banyak kebaikan kepada masyarakat.

Ulaskan.

Kehendak / Tugas Soalan

1. Murid dikehendaki menghuraikan **kebaikan membeli barangan buatan Malaysia**

Petikan

Memberi pekerjaan kepada rakyat Malaysia

Cadangan idea lain

1. Memupuk semangat cinta akan negara
2. Menyokong pengusaha tempatan/ Meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar
3. Memajukan ekonomi negara
4. Berjimat dalam berbelanja

Kemungkinan jawapan :

- Murid menghuraikan **kebaikan membeli barangan buatan Malaysia dalam petikan dan tambah isi lain** – tanda seperti biasa
- Murid menghuraikan **kebaikan membeli barangan buatan Malaysia dalam petikan SAHAJA** – maksimum **BAIK**
- Murid menghuraikan **kebaikan membeli barangan buatan Malaysia** menggunakan IDEA SENDIRI/SELAIN ISI dalam petikan – maksimum **BAIK**
- Murid menghuraikan SELAIN kebaikan– maksimum **MEMUASKAN**

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT